

27/02/2003

Aman Malaysia bangkitkan semangat generasi baru

Siti Khalilah Md Nadirin

SAYA adalah antara ribuan penyokong Aman Malaysia yang menghadiri Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia di Stadium Nasional, Bukit Jalil, malam Ahad lalu. Di sana kami saksikan semarak kedamaian dan kesatuan hati untuk keamanan.

Sejak bermulanya AMAN Malaysia memperjuangkan keamanan pada awal Januari lalu, saya dan rakan-rakan sebaya menyaksikan kebangkitan semangat rakyat Malaysia sedikit demi sedikit.

Sokongan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang pada mulanya berjumlah 45 akhirnya hampir menjangkau 1,500, termasuk golongan belia, sukarelawan, keagamaan, kebajikan dan pelajar.

Walaupun tiada perangkaan tepat mengenai jumlah ahli yang diwakilinya (kerana pertindihan keahlian), saya yakin sebahagian besar daripada mereka adalah golongan muda, pewaris masa depan dunia. Begitupun, golongan lebih dewasa turut terpanggil, malah pertubuhan belia sekarang pun banyak diterajui orang tua.

Rakan-rakan saya yang pulang dari kampung memberitahu, di kedai-kedai kopi kampung pun masyarakat desa menceritakan hal keamanan dan bersemangat menyokong Aman Malaysia.

Rasa cinta kepada keamanan dan semangat memerangi peperangan tidak terhad kepada golongan belia, sebaliknya ia melimpah di kalangan dewasa dan memercik kepada anak kecil yang mengibar bendera.

Bagi kami orang muda, tentunya semangat yang dirasa memuncak pada perhimpunan raksasa itu. Semakin ramai bersuara, semakin bersemarak kecintaan kami terhadap keamanan, bertambahlah kebencian kepada peperangan.

Walaupun ramai dari kalangan remaja dan pelajar yang hadir gembira dengan Konsert Keamanan yang menyerikan perhimpunan itu, namun kehadiran kami adalah demi keamanan.

Kami adalah sebahagian daripada pejuang keamanan dunia. Bagai membara, semangat kami meluap-luap bersama artis yang membuat persembahan dan pemimpin istimewa di pentas menjadi warga dunia yang mahu menghalang peperangan dan kekejaman.

Malah, di sebalik keistimewaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai pemimpin kebanggaan kami kerana beliau menjadi suara keamanan dunia, kami turut melihat tokoh muda yang mempunyai bakat besar.

Kebijaksanaan Menteri Belia dan Sukan yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, menjayakan Aman Malaysia menjadikan beliau idola golongan muda. Beliau menjadi tokoh muda istimewa yang mampu membibitkan perjuangan bertaraf antarabangsa.

Sehingga sampai masa dan peluang beliau membawa Malaysia lebih jauh lagi, golongan muda menyaksikan Hishammuddin sejak beberapa tahun lalu menampilkan ciri kesabaran ketika dicerca dan dilabel kelompok tertentu, ketegasan dan keupayaan menyelesaikan isu Suqiu, ketajaman menguruskan pelbagai kemelut sukan, dan keupayaan memikat hati pada peringkat antarabangsa.

Malah, beliau tegas menyatakan perbezaan pendapat apabila berdepan depan pemimpin muda Singapura ketika menghadapi isu pelajar Singapura bertudung dan ketika Singapura mengugut kita.

Demikianlah kami melihat bakat kepemimpinan tokoh muda yang memperjuangkan keamanan dunia. Menerusi Aman Malaysia, Hishammuddin bukan saja menyatukan seluruh rakyat dan menenggelamkan pelbagai isu perpecahan

dan remeh pembangkang, malah beliau berjaya menggerakkan pertubuhan dan golongan belia.

Bukan saja kebanyakan pertubuhan politik tanah air bersama memperjuangkan keamanan dunia, Aman Malaysia turut mendapat sokongan pelbagai individu dan ahli parti pembangkang. Saya amat berbangga hampir 600 NGO Cina bersatu di bawah usaha berkenaan.

Seperti biasa, kita menyaksikan pelbagai pihak, baik muda atau tua mengambil kesempatan menonjolkan diri menerusi media menyokong Kempen Sejuta Tandatanganan.

Sewajarnya penghargaan diberikan kepada Aman Malaysia di bawah kepimpinan Hishammuddin dan jentera sekretariatnya.

Mereka bukan saja merencana dan menganjurkan kempen tandatangan, kolokium, forum, persidangan antarabangsa dan Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia, lebih daripada itu membabitkan perpaduan, menyedarkan golongan belia, mencetuskan keazaman dan melahirkan berjuta-juta pejuang keamanan dunia."

Rasanya tidak rugi saya mendapatkan sedikit ruang di akhbar ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga Malaysia, khususnya anak muda yang memperjuangkan keamanan menerusi tandatangan, penyertaan aktiviti dan menghadiri Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia.

Aman Malaysia kini menjadi harapan dan memberi makna kepada bangsa baru Malaysia.

SITI KHALILAH MD NADIRIN

Shah Alam,

Selangor.